

Pengedarnya kejam dan zalim, kata PM

# PERANGIH DADAH BEKAS MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, Sabtu

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat hari ini akan bahayanya penagihan dadah dan menyatakan, "masyarakat yang dikuasai oleh dadah akan dilanda oleh berbagai jenayah dan tidak akan mempunyai maruah dan peradaban."

Dalam ucapannya ketika melancarkan *Kempen Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan* di Angkasapuri hari ini, Perdana Menteri berkata: "Sudah tentu masyarakat ini tidak akan berupaya mempertahankan diri atau membangunkan negara, sama ada dalam bidang *material* atau *spiritual* dan lambat-lauit masyarakat ini akan hancur atau dikuasai oleh orang asing."

Bellau juga mengemukakan kerasnya pengedar dadah, yang bellau sifatkan sebagai penjenayah yang amat kejam dan tidak bertimbang rasa.

"Kerana takut, mereka sanggup memperdaya dan menjerat kanak-kanak sekolah sehingga terdapat bilangan penagih dadah ini yang berjumlah 10 tahun.

"Sekali terperangkap, penagih tidak dapat melepaskan diri lagi. Secara tidak langsung, kanak-kanak yang terperangkap ini sudah dihukum mati, kerana bukan saja hidup mereka tidak mungkin lagi sempurna, tetapi umur mereka tetap diangkatkan.

"Demikianlah kesan dadah dan demikianlah kejam dan zalimnya pengedar dadah. Bagi mereka yang memikirkan hukuman terhadap pengedar terlalu berat, tidak ada usaha yang lebih baik dari menyebarkan amaran kepada yang berminta menjadi pengedar, bahawa mereka mungkin dihukum mati. Adalah terlalu lewat jika jenayah sudah dilakukan," tegas bellau.

Dalam mengukuhkan tugas undang-undang menghalang merebaknya penyalahgunaan dadah, Perdana Menteri menekankan bahawa langkah yang betul-betul berkesan ialah kesedaran masyarakat mengenai buruknya kesan penagihan dadah.

Katanya, jika masyarakat sedar dan bertanggungjawab, maka awal-awal lagi akan disemat dalam hati dan fikiran kanak-kanak mengenai kebinasaan dan bahaya menjadi penagih.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, jika kanak-kanak kita membesar dengan kepercayaan bahawa penyalahgunaan dadah adalah satu jenayah dahsyat yang lebih buruk dari mencuri dan menyamun, mereka akan mengelakkan diri dari dadah.

"Jika ibu-bapa mengambil berat, bukan saja terhadap dilakukannya anak-anak mereka tetapi juga mengawasi gerak-gerik mereka di zaman bebas ini, kemungkinan mereka menjadi penagih akan berkurangan," kata bellau.

Semarak api  
membakar musuh



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

PERDANA MENTERI, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membaratkan contoh dadah dan alat-alat yang digunakan oleh penagih, sebagai simbol betapa benanya bellau terhadap dadah, di pelancaran *Kempen Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan* di Angkasapuri, semalam.

Dengan diringi teriakan "Hapuskan dadah, hapuskan dadah", Datuk Seri Dr Mahathir tidak berkecil-kecil menyebarkan api ke arah timbunan dadah.